

16/10/2003

Pakatan ekonomi, tentera OIC boleh tundukkan Barat

Shaiful Hazizy Zainol Abidin

SIDANG Kemuncak ke-10 Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) yang berlangsung hingga akhir minggu ini bakal membuka lembaran baru bagi seluruh masyarakat Islam bukan saja di Malaysia, malah seluruh dunia.

Sidang kali ini cukup bermakna bagi Malaysia yang menjadi tuan rumah ketika dunia dan masyarakat menghadapi pelbagai masalah. Penindasan rakyat Palestin oleh rejim Zionis yang tidak berkesudahan, pencerobohan tentera bersekutu di bumi Iraq serta pandangan masyarakat bukan Islam terhadap Islam selepas peristiwa 11 September 2001 adalah antara isu yang mencengkam umat Islam.

Oleh itu, ramai yang melihat sidang kali ini cukup penting bagi dunia Islam, terutama apabila ia dikendalikan oleh sebuah negara Islam yang cukup disegani dunia sekarang.

Ramai melihat Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai pemimpin negara Islam yang dapat mengembalikan maruah OIC yang sudah lama tercemar dan tercalar. Hanya Perdana Menteri dapat mengembalikan maruah dan kewibawaan OIC sebagai suara masyarakat dan negara Islam.

OIC yang semakin hilang pengaruh di mata dunia ditubuhkan di Rabat, Maghribi pada 25 September 1969. Ia pada asalnya lahir daripada keinsafan dan tindak balas penaklukan rejim Zionis ke atas Baitulmaqdis dan masjid Al-Aqsa pada 21 Ogos 1969. Kini pengaruh dan suaranya semakin hilang dan kurang bermaya selepas gagal menghalang pencerobohan Amerika Syarikat ke atas Iraq.

Ia juga dianggap lesu kerana terpaksa tunduk terhadap veto demi veto Amerika yang nyata melindungi proksi utama Asia Barat iaitu Israel.

Menyedari hakikat bahawa OIC perlu diberi nafas baru, Dr Mahathir menyuarakan beberapa cadangan dan penyelesaian, tetapi sia-sia kerana dihalang beberapa negara yang masih bergantung kepada Amerika, terutama dari segi ekonomi.

OIC terus dibelenggu kelesuan dengan hanya melihat negara kota Baghdad dicerobohi. OIC juga tidak mempunyai daya pengubah apabila pelan damai berat sebelah Amerika terus menjadi agenda utama krisis Israel-Palestin.

Oleh itu, kita percaya dan yakin bahawa Kuala Lumpur mesti dijadikan sebagai sebuah lakaran sejarah bahawa negara Islam bersatu dan menyerap semangat baru di sini.

Dr Mahathir tidak harus bersendirian dalam perkara ini. Sebagai umat Islam yang hidup mengecapi damai dan kesempurnaan hidup, kita mesti menghentikan segala pembunuhan dan penindasan terhadap saudara Islam di Iraq dan Palestin.

Secara dasarnya carta OIC sendiri perlu perubahan yang lebih spesifik dan khusus. Frasa The Observation of the right sovereignty, independence and territorial integrity of each state perlu lebih dikhususkan kepada Palestin dan Iraq. Frasa baru yang perlu digunakan ialah The Observation of the right sovereignty, independence dan territorial integrity of Palestine and Iraq.

Perubahan carta ini perlu bagi mengajak semua negara bersatu dan memberi penumpuan kepada penyelesaian konflik kuasa dan kawasan antara Palestin dan Zionis. OIC juga perlu mempunyai kuasa yang lebih mutlak dan praktikal bagi menentukan kumpulan pentadbir baru di Iraq tanpa sebarang unsur boneka oleh Barat. Sesungguhnya Iraq dan Palestin adalah simbol kemunduran dan penindasan umat Islam yang harus diselesaikan.

Setiap resolusi pada sidang ketua negara Islam harus dibuat secara

sebulat suara dan praktikal dengan menunjukkan kemampuan sebenar perkumpulan negara Islam yang sememangnya boleh menundukkan ego Barat.

Untuk mencapai maksud dan cita-cita ini, OIC perlu mengambil beberapa langkah berani dan drastik. Oleh itu, negara Islam harus membina sebuah lingkaran perdagangan berbentuk blok ekonomi yang utuh serta mampu mendesak kerjasama ekonomi Eropah dan Amerika untuk berkompromi.

Ini dapat dilakukan dengan kelebihan beberapa negara Afrika yang cukup berpengaruh seperti Nigeria, Senegal dan Sudan yang dikenali mempunyai kuasa berpotensi menjadi pengeksport utama galian dan petroleum. Harus diingat bahawa negara Asia Barat masih lagi mengawal hampir separuh pengeluaran minyak dunia dan ini semestinya boleh dijadikan senjata yang cukup ampuh bagi menghadapi hegemoni ekonomi Eropah dan Amerika.

Dalam sidang Pertubuhan Perdagangan Dunia di Mexico, tidak lama dulu, jelas menunjukkan bahawa niat dan agenda Barat ini boleh ditundukkan dengan tindakan secara konsensus dan berpadu tenaga negara membangun. Secara dasarnya sistem kewangan dan ekonomi dunia Bretton Woods yang diwujudkan oleh negara bersekutu selepas perang perlu dinilai serta digubal secara keseluruhan.

Negara Islam sememangnya memerlukan konsep Asean + 3 bagi merungkai kebergantungan yang keterlaluan kepada ekonomi dan transaksi Barat.

Dengan kekuatan sumber minyak dan gas, ditambah pula sumber galian yang belum diterokai secara menyeluruh, negara Islam mempunyai potensi besar untuk berhadapan secara terus dengan cengkaman sistem ekonomi Barat.

Kekuatan ketenteraan adalah aset yang mesti ada pada setiap negara. Setiap negara perlu mempunyai polisi ketenteraan bagi menghadapi apa saja ancaman. Jika, rakyat kebuluran sekali pun, ada negara yang berpendapat pemodenan dan pembangunan senjata pemusnah masih menjadi keutamaan untuk menjadikan negara mereka dihormati. Korea Utara, misalnya, menggunakan isu pembangunan senjata nuklear bagi mendapatkan pakej bantuan ekonomi antarabangsa.

Berdasarkan kepada situasi khusus ini, OIC seharusnya menggunakan pendekatan pemodenan ketenteraan secara lebih agresif dan meluas. Negara Islam juga seharusnya mempunyai inisiatif untuk mewujudkan sebuah pakatan persenjataan lebih formal seperti Nato. Nato selepas lebih sedekad membuktikan ia menjadi aset dan pertahanan utama bagi Eropah. Pakatan yang sedemikian rupa akan membuka lebih banyak ruang bagi negara Islam untuk memindahkan kepakaran dan teknologi, terutama dalam bidang ketenteraan.

Kebiasaan Israel semakin meruncing dan tipu muslihat "Road Map" semakin terserlah apabila Amerika men veto resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk tidak menyingkir atau membunuh Presiden Yasser Arafat. Israel juga didapati semakin mencabar secara langsung kedaulatan negara Arab apabila mendakwa menyerang kedudukan Hamas dan jihad Islam di Syria dan Lebanon. Saya percaya Israel akan berfikir dua kali sekiranya negara Islam mempunyai pakatan ketenteraan yang siap sedia digerakkan bagi menghadapi sebarang bentuk tindakan provokatif.

Pendidikan dan Pembangunan Penyelidikan adalah faktor yang tidak harus terlepas pandang untuk diletakkan dalam agenda OIC kali ini. Ketua negara OIC seharusnya mempunyai pertanggungjawaban tinggi dan konsisten bagi memastikan proses Islamisasi ilmu atau The Islamisation Of Knowledge dapat dilaksanakan dengan lebih praktikal dan sistematik.

Perkumpulan ketua negara OIC seharusnya menginsafi bahawa umat Islam masih lagi berada dalam telunjuk dan dominasi ilmu oleh Barat yang semakin hari semakin mencipta jurang yang cukup ketara. Umat Islam seharusnya menubuhkan lebih banyak universiti yang lebih cenderung ke arah bidang sains dan teknologi. Kita perlu melahirkan cendekiawan serta tenaga mahir Islam yang cukup konsisten dan berdaya saing. Konsep Universiti Islam Antarabangsa Malaysia seharusnya dijadikan rujukan bagi seluruh

kepemimpinan OIC.

Umat Islam juga wajib mempunyai acuannya sendiri memberi respon terhadap perkembangan bidang sains dan teknologi yang semakin hari semakin kompleks tuntutanannya. Dalam tempoh jangka masa yang terdekat ini kepemimpinan OIC seharusnya melahirkan pakar teknologi yang bukan saja mampu mempertahankan umat Islam, malah mempunyai keupayaan memberi kesejahteraan dan kemajuan.

SHAIFUL HAZIZY ZAINOL ABIDIN,  
Persatuan Warga Warisan Melayu Muda Malaysia,  
Kuala Lumpur.